



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

KPDN LAKSANA TIGA INISIATIF RAKYAT SEMPENA TAHUN BARU CINA 2025

Menjelang sambutan perayaan Tahun Baru Cina pada 29 Januari 2025, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan tiga inisiatif rakyat iaitu Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina, Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Tahun Baru Cina dan Program Servis Ihsan Madani@Petronas AutoExpert (SIM@PAX).

SHMMP Tahun Baru Cina 2025 akan berkuatkuasa dari 25 Januari hingga 2 Februari 2025. Tempoh pelaksanaan adalah selama 9 hari iaitu 4 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 4 hari selepas perayaan. Kementerian telah mengenal pasti sebanyak 16 jenis barangan yang akan dikawal di bawah skim kali ini seperti berikut:

- 1) Ikan Bawal Putih (berat antara 200 gram hingga 400 gram seekor)
 - 2) Udang Putih (berat antara 41 ekor hingga 60 ekor sekilogram)
 - 3) Kobis Bulat Import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing)
 - 4) Ubi Kentang Import (China)
 - 5) Bawang Putih (China)
 - 6) Halia Tua (Import)
 - 7) Lobak Merah
 - 8) Lobak Putih
 - 9) Babi Hidup
 - 10) Daging Babi (Perut)
 - 11) Daging Babi (Daging dan Lemak)
 - 12) Cili Merah
 - 13) Bawang Kuning Besar
 - 14) Bawang Merah Besar Import
 - 15) Sawi Pendek / Sawi Jepun
 - 16) Kepak Ayam (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja)
- (Semenanjung Malaysia sahaja)

Skim ini akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Harga maksimum yang telah ditetapkan di peringkat borong dan runcit boleh disemak melalui laman web KPDN di www.kpdn.gov.my.

Pegawai-Pegawai Penguat kuasa KPDN di seluruh negara akan ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan untuk memastikan pematuhan dalam kalangan para peniaga seterusnya melindungi kepentingan para pengguna.

Kementerian akan terus menjalankan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi memastikan bekalan barangan yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Skim.

Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan ini dan menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya. Adalah diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:
 - (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
 - (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;
- (ii) kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:
 - (a) individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
 - (b) syarikat; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000

Sehubungan itu, KPDN meminta kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aduan melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000;
- ii. Call Centre 1-800-886-800;
- iii. E-mel e-aduan@kpdn.gov.my; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN

Pada masa yang sama, meneruskan inisiatif terbaru KPDN iaitu PJRM sempena musim perayaan, saya turut melancarkan pelaksanaan PJRM Tahun Baru Cina 2025. Inisiatif ini merupakan program baharu yang dilaksanakan bermula Oktober tahun lepas bertujuan meringankan kos sara hidup rakyat dalam persediaan sambutan perayaan. Setakat 20 Januari 2025, sebanyak 472 PJRM Tahun Baru Cina dilaksanakan di seluruh negara.

Selain itu, satu lagi program baharu di bawah inisiatif Payung Rahmah Madani iaitu Program Servis Ihsan Madani@Petronas AutoExpert (SIM@PAX) akan dilaksanakan bermula 24 hingga 28 Januari bersempena Sambutan Tahun Baru Cina 2025.

Program baharu yang melibatkan kerjasama KPDN bersama Petronas ini menyasarkan pemberian manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dalam mendepani cabaran kos sara hidup melalui penjimatan kos bagi penyelenggaraan kenderaan sempena sambutan musim perayaan utama di Malaysia. Melalui program ini, para pengguna berpeluang mendapatkan diskaun bagi perkhidmatan servis kereta termasuk produk minyak pelincir antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran semasa.

Bersempena Tahun Baru Cina ini, para pengguna boleh mendapatkan pakej penyelenggaraan kereta di 95 bengkel PETRONAS AutoExpert di seluruh negara secara janji temu menerusi aplikasi SETEL.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Teluk Intan, Perak
21 Januari 2025